

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 21 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 13

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian Pendidikan mempunyai sebarang inisiatif khusus untuk memastikan bahawa graduan-graduan cemerlang memilih untuk menjadi pensyarah di universiti-universiti tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandangkan berat soal kualiti pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) bahkan sentiasa berusaha untuk memastikan bahawa tenaga pengajar di IPTA terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang akademik yang cemerlang dan komited untuk mendidik anak bangsa.

Pihak KPM mendokong usaha untuk memastikan bahawa graduan-graduan cemerlang memilih untuk menjadi pensyarah di universiti-universiti tempatan melalui Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik Institut Pengajian Tinggi Awam (SLAI).

NO. SOALAN: 13

Selain daripada itu, pihak universiti turut diberi autonomi dalam membuat pemilihan dan pelantikan pensyarah di universiti masing-masing mengikut sasaran bidang, keperluan dan halatuju universiti tersebut.

Antara contoh inisiatif yang terdapat di universiti awam adalah seperti Skim Pelajar Holistik UPSI di mana pelajar-pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang cemerlang dalam akademik, ko-kurikulum dan mempunyai nilai tambah yang lain bagi melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana. Seterusnya ditawarkan ke PhD sebelum ditawarkan menjadi pensyarah setelah tamat dengan jayanya. Calon tersebut juga akan mendapat kemudahan seperti pembiayaan yuran pengajian kolej kediaman dan elaun sara hidup berjumlah **lapan ratus ringgit (RM800.00)** sebulan.

Di Universiti Sains Malaysia (USM) program seumpama ini dinamakan *Assistant Staff Training Scheme* (ASTS). Sistem ini terbuka kepada semua pelajar cemerlang dengan PNGK 3.67 ke atas. Pihak USM akan membuat pemilihan terhadap calon-calon yang tersenarai pendek. Calon yang berjaya akan ditawarkan penyelidik secara kontrak / dilantik fellow pasca-doc.

Kita mengharapkan inisiatif-inisiatif seumpama ini akan dapat dipergiat dan diperluaskan oleh universiti awam dalam melonjakkan potensi diri sekaligus menyumbang ke arah kecemerlangan Akademia negara secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.